

Malaysia kemuka cadangan selesaikan konflik Darfur

UM - 3/8/2007

MACHANG 2 Ogos - Malaysia telah mengemukakan cadangan kepada Sudan bagi membantu negara Afrika itu menyelesaikan konflik di Darfur, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Perdana Menteri, bagi tujuan itu beliau telah melantik Utusan Khas Malaysia ke Khartoum bagi menerangkan idea-idea Kuala Lumpur yang dirasakan mampu me-

nangani konflik di wilayah bergolak itu.

"Kita akan libatkan diri untuk bantu ke arah penyelesaian masalah di Darfur.

"Saya sudah berbincang dengan beberapa pemimpin dan sampaikan idea kepada Presiden Sudan, Omer Hassan Ahmed Al-Bashir tentang langkah-langkah yang dicadangkan itu," katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pem-

berita selepas melawat tapak projek Pusat Pemulihan Akhlak Machang di sini hari ini.

Semalam Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia mungkin menyertai pasukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Darfur tetapi keputusan akhir mengenainya akan dibuat oleh Kabinet selepas menilai laporan mengenai situasi di wilayah bergolak itu.

Kuala Lumpur telah menghantar Utusan Khas Malaysia ke Sudan, Datuk Syed Ariff Fadzillah Syed Awaluddin untuk menilai situasi di wilayah itu sebelum memutuskan untuk menghantar pasukan pengaman ke sana.

Abdullah berkata, Malaysia mempunyai perancangan yang teliti untuk menyelesaikan masalah di wilayah konflik terbabit.